

NO SOALAN :21**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN****DEWAN RAKYAT, MALAYSIA**

**DARIPADA : Y.B. DATIN MASTURA BINTI TAN SRI DATO'
MOHD YAZID
(KUALA KANGSAR)**

PERTANYAAN : LISAN

TARIKH : 28.11.2017

Y.B. DATIN MASTURA BINTI TAN SRI DATO' MOHD YAZID [KUALA KANGSAR] minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan jumlah dan peratusan pelaburan Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP) dalam dan luar negara dalam tempoh 10 tahun (2007 sehingga 2016). Apakah langkah dan usaha-usaha KWSP bagi memberi maklumat yang betul dan tepat kepada pencarum khasnya dan rakyat amnya bagi memperbetulkan persepsi salah dan negatif ini.

JAWAPAN

Tuan Yang Dipertua,

Pendedahan pelaburan luar negara KWSP yang dibenarkan pada masa ini adalah sebanyak 32% (dengan julat antara 26% sehingga 37%) daripada jumlah portfolio pelaburannya. Pelaburan luar negara KWSP yang dimulakan sejak tahun 2006 secara keseluruhannya melibatkan lebih daripada 40 buah negara dan 25 mata wang asing. Selain dapat mengurangkan risiko konsentrasi di pasaran domestik dan memberi KWSP akses kepada kepelbagaian pelaburan yang berkualiti, pasaran luar negara didapati mempunyai kecairan yang lebih baik. Namun begitu, pelaburan domestik terus kekal penting dan merupakan bahagian utama dalam struktur pelaburan KWSP di mana saiz portfolio pasaran domestik secara konsisten mencatat peningkatan pada kadar 7% setiap tahun.

Butiran pelaburan yang spesifik seperti keuntungan dan kerugian dalam sesebuah syarikat, terutamanya yang masih dipegang oleh KWSP adalah maklumat sulit dan sensitif. Sebarang pendedahan maklumat berkenaan kedudukan pelaburan dalam sesebuah syarikat berpotensi mengakibatkan pergerakan harga pasaran yang tidak wajar dan memberi gambaran tidak adil kepada pelaburan tersebut.

KWSP sentiasa memantau syarikat-syarikat yang dilaburkan agar sentiasa memenuhi kriteria-kriteria pelaburan KWSP yang ketat seperti mempunyai 'fundamental' yang kukuh dan berupaya memberi pendapatan pelaburan yang stabil dalam jangka masa yang panjang.

Bagi syarikat-syarikat yang menunjukkan kemerosotan prestasi kewangan yang berterusan serta pengurusan syarikat yang kekal lemah, KWSP akan mengurangkan atau melupuskan keseluruhan pegangan dalam syarikat tersebut setelah analisa yang terperinci dilakukan.

35

SOALAN (22)

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT, PARLIMEN MALAYSIA**

PERTANYAAN : LISAN

TARIKH : 28 NOVEMBER 2017
[SELASA]

DARIPADA : YB DATO' FAUZI BIN ABDUL RAHMAN
[INDERA MAHKOTA]

SOALAN :

YB DATO' FAUZI BIN ABDUL RAHMAN [INDERA MAHKOTA] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan perbandingan "Purchasing Power Parity" bagi tahun-tahun 1980, 1990, 2000, 2010 dan 2016 atau yang terakhir.

JAWAPAN :-

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Pariti Kuasa Beli atau dengan izin, *Purchasing Power Parity (PPP)*, bermaksud jumlah mata wang asing sesebuah negara yang diperlukan untuk membeli barangan dan perkhidmatan yang sama di negara penanda aras sebagaimana pembelian menggunakan mata wang negara penanda aras tersebut. Sebagai contoh, jika diandaikan Amerika Syarikat (AS) sebagai negara penanda aras, PPP menggambarkan jumlah dolar AS yang diperlukan untuk membeli barangan dan perkhidmatan di Malaysia berbanding dengan barang dan perkhidmatan yang sama di AS. Berdasarkan kepada *World Development Indicators*, Bank Dunia, kadar pertukaran PPP bagi Malaysia pada tahun 1990 ialah 0.358. Ini menunjukkan bagi membeli barangan dan perkhidmatan yang bernilai AS\$1 di AS, sebanyak AS\$0.358 diperlukan untuk membeli barangan dan perkhidmatan yang sama di Malaysia.

Kadar pertukaran PPP bagi Malaysia terus mengukuh kepada 0.313 pada tahun 2000 tetapi merosot kepada 0.439 pada tahun 2010,

37

menggambarkan kuasa beli rakyat Malaysia secara relatifnya telah menurun sebanyak 40.2% dari 2000 kepada 2010. Namun begitu, kadar pertukaran PPP negara telah kembali mengukuh pada tahun 2016 kepada 0.343 berikutan penyederhanaan paras harga di Malaysia berbanding dengan paras harga di AS. Ini bermakna kuasa beli rakyat Malaysia telah meningkat sebanyak 21.7% memandangkan hanya AS\$0.34 diperlukan pada tahun 2016 berbanding dengan AS\$0.44 bagi membeli barangan dan perkhidmatan yang bernilai AS\$1 di AS.

Sekian. Terima kasih.

28 November 2017